



## **KENYATAAN/SIARAN AKHBAR**

Perbadanan Putrajaya (PPj) ingin merujuk kepada artikel berjudul 'Model Mudah Hilangkan Keluh Kesah Rakyat' daripada Y. Bhg. Datuk Sri Dr. Abdul Munit Kasmin yang disiarkan melalui segmen Cetusan, Sinar Harian pada 14 Oktober 2010.

Dimaklumkan bahawa tandas-tandas di aras bawah Kompleks Perbadanan Putrajaya adalah dikhususkan penggunaannya kepada kakitangan dan pelanggan PPj sewaktu hari bekerja. Tandas-tandas ini disenggara dan dibersihkan oleh kontraktor PPj hanya pada hari-hari bekerja sahaja iaitu selaras dengan tujuan asal tandas-tandas yang berkenaan. Secara umumnya, pemantauan PPj mendapati bahawa tandas-tandas ini berada di dalam keadaan yang bersih dan terurus pada hari-hari bekerja.

Namun demikian memandangkan lokasi tandas-tandas tersebut terletak di aras bawah Kompleks ini, ia juga digunakan oleh orang ramai terutamanya pelawat dan pengunjung di sekitar Dataran Putrajaya dan Persiaran Perdana termasuk pada hujung minggu. Memandangkan ia tidak diselenggara/dibersihkan pada hujung minggu, tandas-tandas ini mungkin berada di dalam keadaan yang kurang memuaskan.

PPj mengambil maklum di atas teguran dari YBhg. Datuk Sri Dr. Abdul Munit Kasmin berhubung aspek kebersihan tandas di Kompleks ini dan akan mengkaji kesesuaian untuk menyediakan khidmat pembersihan/penyelenggaraan tandas pada hujung minggu dan cuti awam.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**( ZAHARAH SALAMAT )**

**Timbalan Pengarah Kanan Perhubungan Awam**

b.p. Presiden Perbadanan Putrajaya

Tarikh: 15 Oktober 2010